

**ZAMALAH DATIN MIRIAM MOHD. YUSOFF**  
**PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH**  
**INSTITUT ALAM SEKITAR DAN PEMBANGUNAN (LESTARI)**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

## **PENGENALAN**

Zamalah Datin Miriam Mohd. Yusoff diwujudkan untuk membina keupayaan penyelidik muda yang cemerlang di Malaysia sebagai generasi pelapis yang bakal meneraju inisiatif ke arah mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 dan untuk memperkuatkukuhkan keupayaan dan kebolehan rakyat Malaysia mencapai hasrat pembangunan seimbang dalam bidang ekonomi dan sosial tanpa menjelaskan alam sekitar dan sumber asli negara.

## **OBJEKTIF**

Menggalakkan penyelidikan peringkat Doktor Falsafah dalam bidang sains, dasar dan governans kelestarian di Malaysia.

## **BIDANG PENGAJIAN**

Bidang pengajian untuk dana ini adalah **Governans untuk Kelestarian**. Pengkhususan untuk bidang ini adalah seperti berikut:

- Perancangan bandar lestari
- Kekompleksan Bandar "Urban Complexity"
- Masyarakat dan Pembandaran
- Pengurusan sisa bandar
- Industri dan pembandaran
- Sumber untuk kelestarian bandar
- Infrastruktur hijau untuk kelestarian bandar

## **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Zamalah ini terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja.
2. Berumur tidak melebihi 35 tahun bagi pelajar Doktor Falsafah.
3. Mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang di Peringkat Sarjana Muda dengan PNGK melebihi 3.60. Untuk permohonan di peringkat Doktor Falsafah, calon mempunyai kelulusan ijazah Sarjana dengan PNGK 3.60 ke atas atau ijazah Sarjana (secara tesis) dengan keputusan yang cemerlang.
4. Tidak menjawat jawatan tutor di mana-mana IPTA di Malaysia.
5. Tidak menerima sebarang bantuan kewangan dari pihak lain.
6. Kakitangan kerajaan dan swasta digalakkan memohon.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

Calon yang telah berjaya menerima zamalah ini akan mendapat kemudahan seperti berikut:

1. Elaun bulanan
  - a. Doktor Falsafah - RM2500.00
2. Pengecualian yuran pengajian.

## **TEMPOH ZAMALAH**

Tempoh zamalah ini adalah untuk:

Doktor Falsafah - 6 Semester sahaja

## **PROSES PEMILIHAN**

1. Calon akan ditemuduga oleh sebuah panel yang terdiri daripada kakitangan akademik di LESTARI dan juga daripada Fakulti-fakulti di UKM.
2. Calon perlu membentangkan cadangan penyelidikan untuk memastikan kualiti dan kesesuaianya dengan teras dan arah tuju penyelidikan di LESTARI.

### **Cara memohon**

Zamalah Datin Miriam Mohd. Yusoff akan ditawarkan setahun sekali bergantung kepada kedudukan kewangan dan diiklankan melalui laman web LESTARI.

Latar diri dan cadangan penyelidikan (maksimum 2 muka surat) perlu dikemukakan kepada Sekretariat Zamalah Datin Miriam Mohd. Yusoff melalui mel-e atau pos kepada alamat di bawah sebelum atau pada **15 November 2010**.

### **Sekretariat**

**Zamalah Datin Miriam Mohd. Yusoff**

**Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)**

**Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

**43600 UKM Bangi**

**Selangor Darul Ehsan.**

**Tel: 03-89214144/4149**

**Faks: 03-89255104**

**Mel-e: nieza@ukm.my**

**(u.p.: Puan Nurul Safaniza Che Ani)**